



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	25.10.22	MUKA SURAT	:	2
JABATAN	:	SURUHANJAYA TENAGA			

**Shah Alam:** Semua peralatan elektrik untuk kegunaan domestik yang dijual di Malaysia wajib mendapatkan sijil kelulusan daripada Suruhanjaya Tenaga (ST) dan diperakui Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Sirim).

Pengilang, pengimport dan penjual perlu melekatkan label keselamatan Sirim-ST sebelum peralatan elektrik berada di pasaran.

Pengurus Besar Kanan, Jabatan Pensijilan Produk dan Pemeriksaan Sirim QAS International, Fauziah Fad-

### **Barang elektrik wajib ada perakuan ST, Sirim**

zil berkata, ST diamanahkan bagi memastikan hanya peralatan elektrik yang diluluskan dan dilekatkan dengan label Sirim-ST boleh berada di pasaran.

"Pemantauan produk di pasaran akan dilakukan secara rawak oleh Sirim berdasarkan aduan diterima daripada orang awam.

"Suruhanjaya Tenaga bekerjasama dengan Sirim untuk memastikan semua peralatan elektrik domestik

diperakui dengan betul sebelum memasuki Malaysia.

"Di bawah Peraturan 97 (1), Peraturan-Peraturan Elektrik 1994, bagi peralatan elektrik yang dikawal selia,

pengilang dan pengimport perlu mendapatkan Sijil Kelulusan daripada badan pengawal selia iaitu ST terlebih dahulu sebelum proses pengilangan, pengimportan, paparan dan penjualan dijalankan," katanya.

Bagi memastikan setiap

barangan elektrik dan elektronik (E&E) yang dibawa masuk ke negara ini adalah selamat dan menepati standard, beliau berkata, Sirim perlu menjalankan pemeriksaan dan pengujian melalui skim pensijilan barangan.

"Jika pengilang atau pengimport didapati memamer atau menjual peralatan elektrik yang tidak diluluskan oleh ST dan diperakui Sirim, tindakan un-

dang-undang boleh diambil mengikut Peraturan 122, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 yang menyatakan bahawa pihak berkenaan boleh didenda tidak melebihi RM500,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Dalam situasi lain, katanya, jika pengilang atau pelesen didapati menyalahgunakan label kesela-

matan Sirim-ST atau jika peralatan elektrik itu didapati tidak menepati standard atau syarat pensijilan, lesen pensijilan bagi peralatan elektrik itu akan digantung.

"Kegagalan mengambil tindakan sewajarnya akan mengakibatkan lesen pengilang produk itu terbatal dan pengilang akan diarahkan menarik semula semua barangan elektrik yang berada di pasaran," katanya.

# HM251022\_2

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia